

Latihan 1: Sambung cerita di bawah ini dengan melengkapi perenggan akhirnya.

Biar Putih Tulang

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri **umpama tikus jatuh ke beras**. Mereka hidup dengan **aman damai**. Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul. Seterusnya, Sang Gajah berkata "Wahai penduduk negeri Indah Permai, **bersatu kita teguh, bercerai kita roboh!**" "Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini **hingga titisan darah terakhir,**" kata Sang Merang.

Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara. "Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaku **bagaikan dipanah halilintar**. "**Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri**. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak. "**Biar putih tulang, jangan putih mata,**" kata Sang Gajah.

Akhirnya_____

_____.

Latihan 2: Berikan maksud peribahasa di bawah ini dengan merujuk kamus atau membuat carian menggunakan *Google*.

No	Peribahasa	Maksud Peribahasa
1	<i>umpama tikus jatuh ke beras</i>	orang yang mendapat rezeki yang mewah
2	<i>aman damai</i>	
3	<i>bersatu kita teguh, bercerai kita roboh</i>	
4	<i>hingga titisan darah terakhir</i>	
5	<i>bagaikan dipanah halilintar.</i>	
6	<i>Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri</i>	
7	<i>Biar putih tulang, jangan putih mata</i>	

Latihan 3: Bina 3 ayat menggunakan peribahasa di bawah ini.

Contoh : Abu *umpama tikus jatuh ke beras* apabila mendapat hadiah sejuta ringgit daripada pertandingan itu.

Aman damai

1. _____

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh

2. _____

Bagaikan dipanah halilintar

3. _____